

Newspaper

Utusan Malaysia

Date

22 January 2016



NAJIB TUN RAZAK mempengerusikan mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) Ke-15 di Putrajaya, semalam. - BERNAMA

Pelaburan swasta Koridor Utara RM12.5b

Um - 22/1/2016

PUTRAJAYA 21 Jan. - Datuk Seri Najib Tun Razak mahu Wilayah Ekonomi Koridor Utara (Koridor Utara) terus memberi tumpuan kepada manfaat komuniti setempat selain melonjakkan pelaburan bagi pertumbuhan ekonomi negara.

Perdana Menteri juga meminta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) meningkatkan sasaran indeks kepuasan masyarakat daripada 60 peratus pada tahun lalu kepada 80 peratus tahun ini.

Ketua Eksekutif NCIA, Datuk Redza Rafiq berkata, perkara tersebut dimaklumkan oleh Perdana Menteri semasa mempengerusikan mesyuarat NCIA ke-15 di Bangunan Perdana Putra, di sini hari ini.

Hadir sama dalam mesyuarat itu adalah Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir dan Pengerusi Jawatankuasa Industri dan Pelaburan, Perdagangan Dalam Negeri Hal Ehwal Pengguna

dan Koperasi Negeri Kedah, Datuk Dr. Ku Abd. Rahman Ku Ismail.

Najib kemudiannya menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian program-program pembangunan koridor utara di antara NCIA dengan empat buah syarikat iaitu Great Realty Sdn. Bhd, Duria Manufacturing Sdn. Bhd, Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Perlis dan Hotel Tandop Sdn. Bhd.

Melalui perjanjian itu, empat syarikat tersebut akan menubuhkan kemudahan inovasi dan mewujudkan inisiatif baharu dalam Koridor Utara dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.3 bilion.

Redza dalam sidang akhbar memberitahu, berdasarkan pencapaian Koridor Utara yang membraihsangkan dalam industri pelancongan dan pembuatan pada tahun lalu, Perdana Menteri mahu NCIA terus menumpukan industri berkenaan agar lebih banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan.

"Perdana Menteri amat fokus

untuk memastikan komuniti setempat terus mendapat manfaat daripada pelaburan dan hasil pertumbuhan ekonomi melalui Koridor Utara ini.

"Saranan beliau sememangnya bertepatan dengan pendekatan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11). Sekarang lebih jelas NCIA bukan tertumpu kepada pelaburan semata-mata sebaliknya merangkumi aspek modal insan," katanya.

Redza seterusnya mengumumkan NCIA berjaya menarik pelaburan swasta sebanyak RM12.5 bilion tahun lalu yang melepasi sasaran petunjuk prestasi utama (KPI) ditetapkan dan sasaran awal sebanyak RM10 bilion.

Menurut Redza, antara kejayaan NCIA pada tahun lalu adalah mewujudkan sebanyak 11,835 peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan dan mencapai 83 peratus dalam catatan indeks kepuasan masyarakat.

"Koridor Utara telah berjaya

melahirkan tenaga kerja yang berpengetahuan, rangkaian logistik yang bersepadu dan meluas bagi menyokong dan mempelbagaikan inisiatif dalam sektor pelancongan dan pertanian," katanya.

Menurutnya, dengan pengalaman dalam bidang kejuruteraan selama 40 tahun, NCIA akan terus memberi tumpuan terhadap sektor pembuatan terutama ke arah pertumbuhan industri berteknologi tinggi di dalam pelbagai bidang seperti aeroangkasa, solar, automotif, peralatan perubatan, farmaseutikal dan bioteknologi.

Beliau berkata, pertumbuhan ekonomi di Koridor Utara turut dilonjak oleh empat sektor teras iaitu pertanian, pembuatan, pelancongan dan logistik.

"Koridor Utara sentiasa memacu perkembangan sektor-sektor tersebut di mana kesemua komponen berkenaan turut disokong oleh pembangunan modal insan dan perkhidmatan sokongan yang sedia ada," katanya.